

04/05/2002

Park May sedia RM10j tingkat khidmat bas ekspres

Norbakti Alias

PARK May Berhad (Park May), memperuntukkan kira-kira RM10 juta dalam tempoh dua tahun ini bagi mengembangkan perkhidmatan bas ekspres Plusliner dan Nice yang dikendalikannya.

Peruntukan itu turut membabitkan pengenalan bas satu setengah tingkat, Nice 2 yang bakal dilancarkan syarikat itu Julai ini.

Pengarah Urusan Park May, Mohd Fakhri Abdul Rashid, berkata syarikat itu akan terus memantapkan mutu perkhidmatannya berikutan sambutan menggalakkan bagi perkhidmatan bas mewah, Nice yang menyediakan perkhidmatan bagi perjalanan Kuala Lumpur-Pulau Pinang dan Kuala Lumpur-Singapura.

"Sambutan terhadap perkhidmatan bas Nice cukup menggalakkan khususnya di Singapura yang mana tiketnya ada yang ditempah sebulan lebih awal.

"Perkhidmatan bagi perjalanan dari Pulau Pinang dan ke negeri itu juga begitu baik," katanya di Alor Star, semalam.

Mohd Fakhri berkata, Park May turut bercadang mengubah suai beberapa bas Plusliner untuk ditingkatkan menjadi bas Nice.

Ketika ini, Park May mempunyai 80 bas Plusliner dan 30 bas Nice.

Mengenai sama ada perniagaan Park May terjejas berikutan langkah syarikat penerbangan AirAsia menawarkan harga rendah bagi penerbangan Pulau Pinang ke Kuala Lumpur dan sebaliknya, Mohd Fakhri berkata, setakat ini ia tidak memberi sebarang kesan.

"Jika dilihat secara kasar, kami kelihatannya seolah-oleh mempunyai kekurangan dari segi kepantasan tiba ke destinasi.

"Namun, jika dikaji masa sebenar perjalanan, bezanya tidak begitu jauh khususnya apabila semua penerbangan domestik beroperasi sepenuhnya di KLIA," katanya.

Mengenai Nice 2, Fakhri berkata, ia bagi melengkapkan operasi bas Nice sedia ada.

Bas Nice 2 menyediakan 30 tempat duduk di tingkat atas dan enam tempat duduk yang dilengkapi ruang rehat di tingkat bawah.

Bas itu mempunyai ketinggian 3.9 meter, sekali gus selamat digunakan bagi melepasi jambatan di negara ini yang kebanyakannya mempunyai ketinggian empat meter.

Prototype bas Nice 2 sudah dinaiki Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim ke Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior, dekat Jitra, kelmarin.

Mengenai sama ada tambang bas Nice 2 akan lebih tinggi berbanding perkhidmatan bas Nice sedia ada, Fakhri berkata, syarikat setakat ini belum menetapkan kadar tambangnya.

(END)